

Mesyuarat Penyelarasan Program/Aktiviti Alumni Peringkat Kampus Kesihatan



Majlis Iftar Perdana bersama Naib Canselor Peringkat Kampus Kesihatan



Mesyuarat penyelarasan bersama Persatuan Alumni Doktor USM (PADU) telah diadakan pada sebelah pagi dan mesyuarat tertumpu kepada kerjasama program yang boleh diadakan antara kedua-dua pihak.

Pada sebelah petang, mesyuarat penyelarasan diteruskan dengan sesi pengenalan disampaikan oleh Encik Ahmad Wafi Sahedan selaku Penyelaras Pusat Pembangunan Alumni (PPA) termasuklah fungsi PPA dan rumusan daripada bengkel pemerkasaan alumni yang diadakan pada 13 Febuari 2025.

Mesyuarat ini juga telah dihadiri oleh Pengarah Kampus Kesihatan serta BHEPA Kampus Kesihatan dan Alumni Ambassador daripada setiap pusat pengajian.

Mesyuarat turut membincangkan garis panduan, penjanaan kewangan dan pengurusan data serta perhubungan pelajar alumni dan industri.

- Turut dihadiri oleh YBhg. Profesor Dato' Seri Ir Dr Abdul Rahman Mohamed, Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM)
- Anjuran: Pusat Islam Kampus Kesihatan



Semarak Ramadan:

Pusat Pembangunan Alumni Raikan Ukhwah Bersama PTJ Melalui Agihan 250 Bubur Lambuk


Pusat Pembangunan Alumni (ADC) telah menganjurkan Program Agihan 250 Bubur Lambuk buat julung kalinya, bertempat di hadapan pejabat ADC. Program ini merupakan inisiatif khas sempena bulan Ramadan yang mulia sebagai tanda penghargaan kepada semua PTJ yang telah memberikan sokongan dan kerjasama berterusan kepada ADC selama ini.

Sebanyak 250 pek bubur lambuk telah berjaya diagihkan kepada wakil-wakil dari PTJ dan serta para Alumni Ambassador PTJ di seluruh kampus Induk dalam suasana penuh muhibah. Kehadiran Prof. Dr. Shaharum Shamsuddin, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pembangunan Pelajar & Alumni, yang turut serta dalam aktiviti pengagihan telah menyerikan lagi program ini.

Program ini bukan sahaja menjadi simbolik penghargaan kepada rakan strategik ADC, tetapi turut menjadi platform memperkukuhkan ukhwah dan jaringan kerjasama antara ADC, PTJ serta para Alumni Ambassador PTJ yang hadir memberikan sokongan padu.

ADC amat berbesar hati dengan sambutan dan penglibatan yang diterima, dan berharap agar program seumpama ini dapat diteruskan pada masa akan datang sebagai acara tahunan yang mampu menyemai nilai kebersamaan dan memperkukuh jaringan dalaman universiti.

ALUMNI NEWS VOL 3
BILANGAN 3 / MARC 2025



Objektif Program

A


Mengiktiraf peranan dan sumbangan PTJ dalam menjayakan pelbagai usaha pembangunan alumni.

B

Mengeratkan hubungan antara warga kerja kampus, ADC dan alumni.

C

Menyemarakkan semangat keprihatinan dan budaya memberi sempena bulan Ramadan.



Editor: Suraya Shazlin
Penulis: Suraya Shazlin
Penyunting: Ahmad Wafi
Foto: Siti Zulaiha

